

30/04/2002

Unitem latih 18,000 guru untuk ijazah pertama

Mohd Feroz Abu Bakar

UNIVERSITI swasta yang ditubuhkan oleh 11 universiti awam, Universiti Terbuka Malaysia (Unitem) kini mula mengendalikan Program Pensiswazahan Guru untuk 2,647 pendidik, berkurangan 1,000 pelajar berbanding sasaran untuk mendapatkan 3,700 pelajar setahun.

Program berkenaan dikhaskan untuk guru di sekolah seluruh negara mendapat ijazah sarjana muda menerusi program pengajian yang dijalankan secara pendidikan jarak jauh (PJJ).

Timbalan Presiden (Akademik) Unitem, Prof Madya Dr Mansor Fadzil berkata, baki tempat untuk kira-kira 1,043 guru itu akan diisi semasa pengambilan Ogos ini.

Katanya, Unitem akan bekerjasama dengan Bahagian Pendidikan Guru (BPG) untuk mengadakan promosi dengan lebih meluas agar lebih ramai guru berpeluang menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

Beliau berkata, universiti itu masih menerima banyak pertanyaan daripada guru yang berminat untuk mengikuti program berkenaan.

Katanya, kebanyakan guru itu mengatakan mereka tidak sempat mendapatkan kelulusan ketua jabatan untuk menyambung pengajian kerana terlewat mendapatkan borang kemasukan.

"Berdasarkan perjanjian Unitem dengan Kementerian Pendidikan, kami perlu melatih kira-kira 3,700 guru setahun atau kira-kira 18,000 untuk lima tahun berikut ini.

"Program Pensiswazahan Guru dijalankan oleh BPG untuk meningkatkan tahap kelulusan guru daripada Sijil Perguruan Malaysia atau Diploma Perguruan Malaysia kepada ijazah pertama.

"Untuk tahun ini, hanya 2,647 tempat sudah diisi oleh guru seluruh negara dan kita masih mempunyai kira-kira 1,043 tempat untuk dipenuhi oleh guru.

"Unitem berharap guru yang berminat mendapatkan borang mulai sekarang untuk mendapat kelulusan daripada Guru Besar, Pengetua atau Pegawai Pendidikan Daerah bagi pengambilan Ogos ini," katanya ketika ditemui di Petaling Jaya, Selangor, baru-baru ini.

Guru yang terpilih mengikuti Program Pensiswazahan Guru di Unitem tidak perlu mengambil cuti belajar kerana program itu dijalankan secara PJJ, iaitu di 17 tempat di seluruh negara.

Ini bermakna mereka masih mendapat gaji penuh sepanjang pengajian selain layak memohon pinjaman daripada kerajaan.

Guru yang berjaya menamatkan pengajian menerusi program berkenaan juga akan dilantik ke gred gaji yang lebih tinggi.

Guru bukan siswazah, iaitu lulusan Sijil Perguruan atau Diploma Perguruan Malaysia diletakkan dalam skim bukan siswazah dengan Gred DG4, DG5 dan DG6.

Tangga gaji mereka bermula dari RM1,109.57 (DG6) dan tamat pada tangga gaji RM2,783.00 (DG4).

Tetapi bagi guru siswazah, iaitu yang mempunyai ijazah pertama, mereka dimasukkan ke skim DG3 dan DG2 dengan tangga gaji bermula RM1,409.65 (DG3) hingga RM4,781.92 (DG2).

Dr Mansor berkata, Unitem menawarkan enam bidang pengajian di bawah Program Pensiswazahan Guru, iaitu ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Kejuruteraan Awam), Sarjana Muda Pendidikan (Kejuruteraan Elektrik).

Sarjana Muda Pendidikan (Kejuruteraan Mekanikal), Sarjana Muda Pendidikan (Matematik), Sarjana Muda Pendidikan (Sains) dan Sarjana Muda

Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua (Tesl).

Dalam perkembangan lain, Dr Mansor berkata, Unitem akan mengambil hampir 400 pelajar bagi kemasukan bulan ini.

Katanya, pendaftaran pelajar baru itu akan dilakukan pada 18 Mei ini, bagi enam program pengajian, iaitu empat program ijazah pertama dan dua program diploma.

Program berkenaan ialah Sarjana Muda Pengurusan, Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan, Sarjana Muda Teknologi Maklumat (IT), Sarjana Muda IT dan Pengurusan, Diploma Pengurusan dan Diploma IT.

Katanya, universiti itu hanya menawarkan 392 tempat pengajian untuk semua proram itu.

Beliau berkata, jumlah berkenaan tidak besar kerana pengambilan Mei bukanlah kemasukan utama Unitem.

Kemasukan utama ke universiti itu dibuat pada Ogos.

"Untuk makluman pelajar dan orang ramai, Unitem akan beroperasi di premis baru, iaitu bekas Kompleks Jabatan Perkhidmatan Awam di Jalan Tun Ismail, Kuala Lumpur mulai bulan depan.

"Kini, beberapa bahagian atau jabatan di Unitem dan syarikat yang berkaitan dengan universiti kami sudah mula berpindah.

"Premis baru ini juga mempunyai kelengkapan untuk pelajar termasuk perpustakaan digital dan kemudahan rujukan konvensional.

"Majlis perasmian Unitem juga dijadualkan di tempat baru ini pada 15 Julai oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya.

Unitem adalah universiti swasta milik Multimedia Technology Enhancement Operations Sdn Bhd (Meteor), konsortium yang ditubuhkan oleh 11 universiti awam.

Maklumat lanjut hubungi 03-7967 6217/ 6290/ 6291/ 6292 atau mengunjungi laman web : <http://unitem.um.edu.my>.

Universiti itu ialah Universiti Malaya, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Sains Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Teknologi Mara, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Universiti Malaysia Sarawak, Universiti Malaysia Sabah, Universiti Utara Malaysia dan Universiti Pendidikan Sultan Idris.